

23 JUL 1998

Downer-perniagaan

AUSTRALIA TIDAK AKAN TINGGALKAN MALAYSIA, KATA DOWNER

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Australia tidak akan meninggalkan Malaysia tetapi akan terus terlibat dalam kegiatan perniagaan di negara ini sepanjang krisis ekonomi, kata Menteri Luar Australia Alexander Downer.

"Australia kawan Malaysia bukan hanya di masa senang tetapi untuk jangka panjang," kata beliau selepas menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Katanya beliau menjelaskan kepada Dr Mahathir bahawa perniagaan Australia akan terus kekal dan tidak akan lari semasa gawat sekarang.

Ahli perniagaan Australia sedar Malaysia perlukan masa untuk pulih dan mereka akan turut mendapat manfaat daripada pemulihan itu, kata Downer yang tiba semalam untuk lawatan tiga hari. Ini adalah lawatan keempatnya ke Malaysia sejak menjadi Menteri Luar pada 1996.

"Mereka juga sedar jika mereka keluar daripada ekonomi Malaysia sekarang, sukar bagi mereka memasuki semula pasaran Malaysia apabila keadaan pulih," katanya.

Beliau berkata hakikat bahawa perniagaan Australia masih terus menyokong secara langsung kerajaan-kerajaan di rantau ini, membuktikan bahawa negara itu akan sentiasa terlibat dan berminat dalam peluang pelaburan di Malaysia.

Downer berkata perbincangan dengan Dr Mahathir tertumpu kepada mesyuarat forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik yang akan berlangsung di sini November ini.

Katanya beliau mencadangkan kepada Dr Mahathir agar negara-negara anggota APEC membentuk satu sistem bagi menangani krisis ekonomi Asia dan untuk mereka saling membantu sebagai jalan keluar daripada krisis itu.

Mengenai bilangan pelajar Malaysia yang semakin kurang menuntut di Australia, Downer berkata kemerosotan yang dicatat sejak tahun lepas ialah 17 peratus.

"Sebaliknya, saya diberitahu bahawa bilangan visa pelajar ke Amerika Syarikat, Kanada dan United Kingdom lebih rendah," katanya.

Beliau berkata Australia masih menawarkan peluang terbaik kepada pelajar Malaysia berbanding negara lain dan itulah sebabnya kemerosotan bilangan pelajar di Australia secara perbandingannya masih rendah.

Pelajar Malaysia juga dibenarkan bekerja sehingga 20 jam seminggu semasa tempoh belajar dan bekerja sepenuh masa sewaktu cuti bagi menampung kos pendidikan mereka di Australia.

Sebelum itu, Downer menyampaikan anugerah kehormat Order of Australia kepada Datuk Lee Yee Cheong, pengerusi jawatankuasa eksekutif Yayasan Malaysia-Australia Foundation.

Downer berkata anugerah itu diberikan kepada Lee, 61, sebagai menghargai sumbangannya memupuk kerjasama dua hala dan terhadap peranan yayasan itu dalam mengukuhkan hubungan pelajar dan kebudayaan antara Australia dan Malaysia.

Pertalian Lee dengan Australia terjalin ketika dia menuntut di University of Adelaide pada 1961.

-- BERNAMA

RA MAI